

SOALAN NO.: 200

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB. TUAN ANYI NGAU  
KAWASAN : BARAM**

**SOALAN:**

**YB. TUAN ANYI NGAU** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan rancangan Kementerian serta permohonan rakyat kawasan Marudi Baram agar Jalan Pan Borneo dibina menuju ke Pekan Marudi dan seterusnya ke Limbang.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selari dengan perancangan dalam Highway Network Development Plan (HNDP) Fasa 2, Kerajaan sememangnya mempunyai perancangan jangka panjang untuk membina jalan di Sarawak yang menghubungkan antara Marudi ke Limbang.

Sehubungan itu, Kementerian ini telah membuat permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dalam *Rolling Plan* 1, RMKe-11 untuk membina jalan penghubung Long Lama – Marudi, Sarawak melibatkan skop membina jalan berkembar 4 lorong piawai R5 sepanjang 52km. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini bergantung kepada kelulusan daripada agensi pusat.

Sekian, terima kasih

192

Long Aton Ulu Tinjar mempunyai penduduk seramai 351 orang di mana KK berdekatan ialah KK Long Loyang. Bagi penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat, KKM telah menyediakan *outreach services* (dengan izin) yang disediakan oleh KK Long Loyang melalui sungai *Village-health-team* (dengan izin) ke perkampungan Long Aton tersebut. Cadangan pembinaan sebuah klinik kesihatan di Long Aton akan dikaji pada masa hadapan.